

\$87,600 untuk Persisi

Berita Harian, 29 January 1997, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL20911

Printer-Friendly Page

\$87,600 untuk PersisiPeruntukan SSC sebagai persiapan Sukan SEA Jakarta **SILAT**

PRSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) menerima habuan terbesar dari Majlis Sukan Singapura (SSC) bagi persiapan Sukan SEA Jakarta yang akan berlangsung mulai 11 hingga 19 Oktober ini.

Badan induk silat tersebut akan menerima peruntukan \$87,620 bagi mempersiapkan pesilat-pesilat negara ke tahap yang lebih tinggi dalam usaha mencatatkan kelakonan terbaik di sukan dwi tahunan itu.

Dua tahun lalu, Persisi telah diberi \$22,720 bagi persiapan untuk menghadapi Sukan SEA Chiangmai, tetapi mereka hanya menggunakan \$18,000 untuk latihan dan beberapa kegiatan lain.

Mengulas lebih lanjut mengenai pertambahan peruntukan baru yang meningkat hampir empat kali ganda itu, setiausaha agung Persisi, Ja-

maludin Jamil, menyifatkan ia sebagai suatu petanda yang menggalakkan.

"Kami akan berusaha memanfaatkan peruntukan itu bagi mempersiapkan pasukan silat Singapura ke Sukan SEA akan datang dengan sebaik mungkin," jelasnya.

membeli peralatan-peralatan bagi latihan.

Jamaludin berkata antara langkah persiapan yang telah diatur oleh Persisi bagi para pesilatnya ialah menyertai pelbagai kejohanan yang akan berlangsung di rantau sebelah sini sebelum Sukan SEA Oktober nanti.

"Kami akan menghantar para pesilat ke Kejohanan Dunia, Kejohanan Undangan di Terengganu dan Kejohanan Undangan di Hanoi," kata Jamaludin.

Penyertaan tersebut, kata setiausaha agung Persisi itu, akan memberi peluang kepada para pesilat negara bukan sahaja peluang untuk mengukur keupayaan masing-masing, malah dalam masa yang sama, kesempatan untuk meninjau kekuatan para pesilat yang mungkin tampil di Sukan SEA Jakarta nanti.

"Kami juga akan mengadakan latihan pusat seminggu

Dari jumlah itu, Persisi perlu menyetorkan sebahagian besar peruntukan tersebut untuk menghantar pesilat nasional ke kejohanan-kejohanan antarabangsa.

Menurut Jamaludin lagi bahawa selebihnya perlu digunakan untuk latihan pusat dan

sebelum berangkat ke Jakarta nanti," jelas Jamaludin mengenai rancangan persiapan Persisi selanjutnya.

Beliau juga tidak menepikan kemungkinan untuk menghantar para pesilat menyertai kejohanan di Eropah seandainya kejohanan tersebut memberikan peluang kepada pesilat negara meningkatkan mutu persilatannya.

"Tetapi keutamaan kami masih lagi kejohanan di rantau sini yang boleh memberikan peluang untuk kami meninjau kekuatan pesilat yang akan tampil di Sukan SEA kelak," ulangnya.

Tahun ini, pesilat-pesilat kesenian juga turut berpeluang mengukur tahap persembahan mereka apabila Persisi memutuskan untuk menyertai kejohanan undangan yang akan berlangsung di Terengganu pada Ogos ini.

"Kami akan berusaha memanfaatkan peruntukan itu bagi mempersiapkan pasukan silat Singapura ke Sukan SEA akan datang dengan sebaik mungkin."

— Jamaludin Jamil, setiausaha agung Persisi.